

12/04/2003

Sistem gilir jawatan KM Sabah akan dikaji

Maznah Darus

GEORGETOWN: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata kerajaan bersedia mengkaji semula sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri di Sabah apabila beliau menjadi Perdana Menteri, pada Oktober depan.

Pemangku Perdana Menteri berkata, setakat ini sistem penggiliran berkenaan diterima oleh semua parti komponen Sabah dan diamalkan sejak beberapa tempoh kebelakangan.

"Bagaimanapun jika ada masalah atau ia didapati tidak begitu berjaya, dan ada keperluan untuk menggunakan cara lama, kita sedia untuk berbincang.

"Yang penting kita perlu ada keberanian untuk melakukan sesuatu sama ada untuk kembali ke cara lama atau mengadakan satu alternatif lain," katanya ketika menjawab soalan seorang mahasiswa di majlis Makan Malam Kongres Mahasiswa, di Hotel Equatorial, malam semalam.

Mahasiswa dari Universiti Sabah Malaysia (UMS) itu bertanya sama ada Abdullah akan memperkenalkan sistem baru untuk menggantikan sistem penggiliran yang diamalkan sekarang kerana ia terbukti mempunyai beberapa kelemahan.

Katanya, kelemahan paling ketara ialah tempoh dua tahun yang diberikan kepada ketua menteri berkenaan memegang jawatan itu terlalu singkat untuk membolehkan mereka menjalankan tugas dengan berkesan.

Mahasiswa itu berkata setiap pemimpin mempunyai dasar, misi dan visi masing-masing yang tentunya memerlukan masa untuk dilaksanakan dengan jayanya tetapi jika masa yang diberikan terlalu pendek, tidak banyak kejayaan boleh dicapai.

"Setakat ini saya hanya dengar cakap-cakap saja berhubung sistem penggiliran itu tidak berkesan sedangkan ia terus dijalankan juga dengan membabitkan beberapa ketua menteri.

"Tetapi jika sistem itu terus diamalkan dan pemimpinnya silih berganti, asalkan setiap ketua menteri terbabit menyedari kepentingan meneruskan dasar kerajaan, tidak akan timbul banyak masalah.

"Janganlah setiap ketua menteri masuk memerintah dan membawa dasar yang berbeza," katanya.

Beliau berkata, satu kebaikan berhubung Malaysia ialah dasarnya yang sentiasa diteruskan oleh pucuk pimpinan sejak zaman Tun Abdul Razak sehingga kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil memberi contoh Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang terus diamalkan hingga kini, Abdullah berkata, beliau sendiri yakin akan terus mengamalkan dasar yang diusahakan oleh Dr Mahathir apabila beliau menjadi Perdana Menteri bermula Oktober depan.

Terdahulu, Abdullah menasihatkan mahasiswa tempatan yang dianggap sebagai pemimpin negara masa depan agar memastikan usaha memajukan negara agar menjadi terbilang di kalangan yang gemilang dapat diteruskan.

Katanya, Malaysia mempunyai potensi untuk menjadi negara maju, hebat dan berjaya asalkan tumpuan utama pemimpinnya tidak berubah daripada mendaulatkan negara agar digeruni oleh kawan dan lawan.